

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HMT 401 - Semantik Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan, ini mengandungi EMPAT (4) soalan dalam TIGA (3) muka surat

Jawab SEMUA EMPAT (4) soalan.

1. Jelaskan dengan ringkas lima (5) daripada konsep berikut:

- (a) Hubungan makna - prinsip persinggungan
- (b) Segi Tiga Ullmann
- (c) Teori Medan Makna
- (d) Kolokasi
- (e) Sistem logik simbolik sebagai satu sistem bahasa
- (f) Teori relevan
- (g) Peningkatan makna.

(25 markah)

2. (a) Terdapat beberapa paradigma untuk sistem nombor:

- i. Satu, dua, tiga, empat....
- ii. pertama, kedua, ketiga, keempat....
- iii. semua, setengah, sepertiga, seperempat....
- iv. tunggal, dwi, eka....
- v. sekali, dua kali, tiga kali....

Apakah fitur semantik yang terdapat pada setiap set?

(b) Berikut adalah perbualan di antara A dan B. Selepas setiapnya, diberikan implikatur daripada ucapan B. Pada setiap kes, nyatakan sama ada andaian penting yang membawa kepada implikatur itu melibatkan prinsip relevan, prinsip berciri maklumat atau prinsip kejelasan. Berikan alasan anda.

i. A: "Kereta saya rosak"

B: "Di hujung jalan ini ada sebuah kedai membaiki kereta".

Implikatur: Ada kedai membaiki kereta dan ada seorang mekanik yang mungkin boleh membaiki kereta itu.

ii. A: "Apa kursus yang Abu ambil."

B: "Dia tak ambil kursus Linguistik."

Implikatur: B tidak mengetahui sebenarnya kursus yang diikuti oleh Abu.

iii. A: "Sudahkah Ani berus gigi dan kemas bilik tidur Ani?"

B: "Ani dah berus gigi."

Implikatur: B belum mengemaskan bilik tidurnya.

iv. A: "Pn. Zaidah ada ke dalam biliknya?"

B: "Pendingin udaranya masih terpasang."

Implikatur: Terpasangnya pendingin udara bilik Pn. Zaidah menandakan sama ada dia ada atau tidak.

v. A: "Mari kita cuba makanan di restoran itu"

B: "Saya sebenarnya suka makanan bersayur."

Implikatur: Restoran tersebut tidak menyediakan makanan bersayur.

(25 markah)

3. Bicarakan satu (1) daripada pernyataan berikut:

(a) Untuk menetapkan kesinoniman dan keantoniman perkataan, perlulah kita meninjau kolokasi kata itu di dalam ayat-ayatnya.

- (b) Pertuturan menetapkan ertinya sesuatu perkataan. Jadi makna sesuatu perkataan adalah sama dengan kegunaannya.
- (c) Disebabkan manusia tidak mahu berterus terang, maka lahirlah peribahasa, simpulan bahasa dan sebagainya yang melibatkan makna denotasi dan konotasi.

(25 markah)

4. (a) Sediakan jadual kebenaran bagi ungkapan simbolik berikut:

i.  $(p \rightarrow q) \wedge p$

ii.  $\sim (\sim p \vee q)$

- (b) Untuk setiap ungkapan berikut, cari nilai kebenaran setiap usulan asas yang menyumbang ke arah kepalsuan seluruh ungkapan tersebut.

i.  $\sim (\sim q \vee p) \vee (p \rightarrow q)$

ii.  $(p \wedge q) \rightarrow (p \vee q)$

- (c) Berikan bentuk simbolik hujahan berikut.

Jika saya seorang yang jujur, maka saya seorang yang bodoh. Sama ada saya jujur atau saya bodoh, ataupun sememangnya tanggapan Ali betul dan wakil penjual ensaiklopedia itu seorang penipu. Saya tidak bodoh, dan wakil penjual itu sememangnya seorang penipu. Maka tanggapan Ali adalah betul.

- (d) Tukarkan pernyataan berikut menggunakan fungsi usulan, penghubung logikal dan pengkuantiti.

i. Sesetengah ahli politik jujur

ii. Semua orang mahu menjadi kaya

iii. Saya menggemari semua perkara yang tidak bermoral, yang menyalahi undang-undang dan yang menggemukkan badan.

(25 markah)